

Lelaki dijel lima tahun, 10 sebatan miliki 35.56g syabu

11 Mei 2022

Lelaki dijel lima tahun, 10 sebatan miliki 35.56g syabu

Melaka: Seorang lelaki terpaksa meringkuk lebih lama di dalam penjara apabila dihukum penjara lima tahun enam bulan dan 10 sebatan oleh Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam atas kesalahan memiliki 35.56 gram syabu di sebuah inap desa, tahun lalu.

Hakim Nariman Badruddin membuat keputusan itu selepas menimbang fakta kes, rayuan tertuduh, Mohd Afif Ishak, 34, dan hujah pendakwaan bagi pemberatan hukuman.

Nariman memerintahkan hukuman pemenjaraan itu berjalan serentak dengan hu-

kuman sedang dijalani tertuduh atas kesalahan mengikut Seksyen 39A (1) dan Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 iaitu 24 bulan penjara dan tiga sebatan.

Mengikut pertuduhan, Mohd Afif didapati memiliki dadah Methamphetamine berat bersih 35.56 gram di No

3, Homestay Ruby Rasul, Lorong Mamat Jabar, Jalan Bachang, Kampung Bachang pada 9 Oktober 2021, kira-kira jam 12.10 tengah malam.

Dia dituduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 39A (2) ADB 1952, sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga seumur hidup.

Terdahulu, tertuduh yang beralamat di Taman Bayu Indah, Bedong, Kedah mengaku menyesal atas kesalahan dilakukan ketika ditanya hakim.

"Yang Arif, saya pohon hukuman paling ringan kerana mahu jaga ibu bapa kerana saya anak sulung daripada

tiga beradik," katanya yang tidak diwakili peguam bela.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya N Sivashangari memohon hukuman setimpal dikenakan sebagai pengajaran kepada tertuduh dan orang lain untuk tidak mengulangi kesalahan sama.